

ASEAN diancam serangan siber, Daesh

Singapura: Asia Tenggara berdepan ancaman jelas daripada militan Daesh walaupun kekalahan mereka di Asia Barat selain serangan siber, demikian amaran Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong, dalam ucapan beliau dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 di sini, semalam.

Sebahagian daripada 10 negara di rantau yang terdiri daripada 650 juta penduduk, sekian lama bergelut dengan militan Islam. Malah kemunculan Daesh dilihat sebagai titik baharu pengaruh radikal dan cubaan menghidupkan semula kumpulan ekstremis.

Serangan bom bunuh diri dan

bersenjata di Jakarta, Indonesia pada 2016 adalah keganasan pertama didakwa dilakukan Daesh di rantau ini, sementara Marawi di Filipina tahun lalu dikepung militan setia kumpulan itu, menjerus kepada pertempuran selama berbulan yang mengorbankan ratusan mangsa.

Perlu peka ancaman berbahaya

Ketika melancarkan sidang kemuncak ASEAN itu di sini, Hsien Loong memberi amaran, Daesh terus mengancam rantau ini walaupun tewas di Iraq dan Syria, sementara peningkatan ekonomi menjerus kemajuan teknologi

digital menjadikan negara lebih terdedah kepada serangan siber. "Asia Tenggara aman, tetapi dalam masa sama ancaman itu juga sangat nyata.

"Kita perlu berdaya tahan untuk berdepan kedua-dua ancaman konvensional dan juga ancaman bukan konvensional seperti keganasan dan serangan siber," katanya.

Terdahulu, di majlis makan malam menjelang sidang kemuncak itu, barisan pemimpin berseutu meningkatkan koordinasi dalam keselamatan siber.

Beliau turut memberi amaran, sistem perdagangan terbuka

global, semakin terdedah dengan ancaman disebabkan dasar perlintungan di negara ekonomi utama dunia.

Hsien Loong berkata, jawapan bagi peningkatan dasar perlintungan sedemikian adalah untuk ASEAN terus mendorong integrasi ekonomi sekali gus memperkasa kerjasama dalam bidang lain.

"Secara individu, adalah sukar bagi negara anggota ASEAN untuk meraih impak yang berkesan.

"Tetapi apabila kita bercakap sebagai satu suara ASEAN yang kolektif, kita boleh menjadi lebih efektif," katanya.

AFP